

**Pelbagai Biasiswa Dan Bantuan Bukti Kerajaan Laksana Konsep Pendidikan Percuma - Mohamed Khaled Bernama
17 Julai, 2012**

PUTRAJAYA, 17 Julai (Bernama) -- Penyediaan pelbagai jenis biasiswa dan bantuan kepada pelajar institusi pengajian tinggi adalah bukti kerajaan sememangnya melaksanakan konsep pendidikan percuma, kata Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Beliau berkata untuk tahun ini sahaja, kerajaan memperuntuk sebanyak RM4.3 juta sebagai bantuan kepada 877 pelajar orang kelainan upaya (OKU) di institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS), sepenuh dan separuh masa yang meliputi perbelanjaan dan wang saku tidak melebihi RM5,000 setahun atau RM20,000 sepanjang tempoh pengajian setiap seorang.

Katanya kementerian turut menyediakan biasiswa sukan berjumlah RM10 juta bagi tahun ini untuk membiayai pengajian kira-kira 150 atlet cemerlang dalam bidang sukan masing-masing.

"Selain biasiswa yang disediakan di bawah kementerian, pelajar juga diberikan pembiayaan dan tajaan dari sumber lain seperti sesetengah universiti yang menyediakan Tabung Endowment termasuk Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di mana pelajar yang layak diberikan tempat secara percuma.

"Pelajar kadet Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) pula mendapat tajaan sepenuhnya daripada Kementerian Pertahanan yang meliputi kos pengajian, penginapan dan latihan ketenteraan, selain diberikan gaji tetap setiap bulan antara RM1,200-RM1,500 beserta bayaran imbuhan tetap dan elaun serta bonus tahunan," katanya pada majlis "Impianku Ke Menara Gading" di kementerian itu sini.

Mohamed Khaled berkata pelajar lain juga boleh menikmati pendidikan percuma dengan syarat mereka perlu cemerlang, di mana pelajar yang memperoleh ijazah kelas pertama dengan pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) boleh menukar pinjaman mereka kepada biasiswa.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681355>

